



**Kuala Lumpur**

**P**roses ubah suai dilakukan pemilik Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah menyebabkan laluan keluar kedua pada bangunan itu terhalang.

Perkara itu didedahkan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Wira Wan Mohd Wan Ibrahim hasil semakan pihaknya yang mendapati pusat tahfiz berkenaan menjalani proses ubah suai sehingga menutup laluan pintu pada bangunan terbakar.

"Meraka (pemilik) tidak merujuk semula pelan bangunan yang diubah suai kepada kita (bomba). Jika diteliti pelan terkini tidak sama pelan asal diluluskan," katanya.

Memperincikan perkara itu, Wan Mohd berkata, pemilik premis itu ada menghantar pelan bangunan kepada JBPM.

"Kami teliti pelan asal itu, bangunan ada dua laluan keluar sebelum ia diluluskan. Tapi, pemilik buat ubah suai dan gagal maklumkan pelan terkini kepada kita.

"Proses ubah suai itu menghalang laluan keluar kedua (berbanding pelan asal) apabila dalam insiden semalam, ramai mangsa terperangkap apabila satu-satunya laluan keluar terhalang," katanya.

Menurutnya, insiden berkenaan mungkin tidak seburuk itu sekiranya pemilik premis mementingkan aspek keselamatan.

"Aspek keselamatan amat penting. Kos memang tinggi bagi sediakan aspek keselamatan tetapi jika kehilangan nyawa dalam kebakaran, ia lebih mengesalkan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Wan Mohd berkata, empat elemen penting perlu ada bagi setiap bangunan ialah

**ANGGOTA** Unit Forensik PDRM menyiasat di tempat kejadian kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kerasat, semalam.



# UBAH TAK IKUT PELAN

■ **Pemilik tak rujuk bomba mahu buat pengubahsuaian**

## Darah terus keluar dari badan mangsa kritikal

**Bulet Mertajam** Dua pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terbahit kebakaran kelmarin masih kritikal.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, dua pelajar lelaki berusia belasan tahun itu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan ketika ini mereka belum sedarkan diri.

"Keadaan dua pelajar yang parah itu kritikal apabila seotang daripadanya melecur teruk serta darah masih keluar dari badannya manakala seorang lagi cedera dalaman termasuk patah

tulang rusuk dan ia tucucuk paru-paru mangsa.

Pastikan perubahan sedaya upaya memberi rawatan terbaik kepada mereka," katanya selepas merasmikan Program Perarakan Hari Malaysia Peringkat Universiti Teknologi Mara (UTM) cawangan Pulau Pinang di Permatang Pauh di sini, semalam.

Enam pelajar lain dan seorang awam turut cedera dalam kebakaran itu.

Hilmi yang juga Anggota Parlimen Balik Pulau berkata, empat pelajar dan seorang awam yang cedera dalam ke-

jadiannya dilaporkan stabil dan masih menerima rawatan di HKL.

"Meraka mengalami pelbagai kecederaan antaranya patah tangan, patah kaki, patah pinggang, patah tulang rusuk, patah punggung dan dalam rawatan saya semalam di hospital mendapati mereka stabil.

Meraka tercedera selepas terjun dari bangunan pusat tahfiz berkenaan kerana mahu menyelamatkan diri. Cuma seorang sahaja yang tidak cedera kerana dia menyelamatkan diri dengan menggelongsor menerusi batang paip," katanya. —BERNAMA

laluan keluar jika berlaku kebakaran, bahan yang sesuai untuk pembinaan, alat pemadam kebakaran dan ruang dalam bangunan.

Menjawab soalan wartawan berhubung punca kejadian, Wan Mohd berkata, pihaknya meneliti semua faktor termasuk khianat, sabotaj, litar pintas ataupun ada kegiatan memasak ketika kejadian.

"Kami perlu masa untuk tentukan punca, tidak boleh sesuka hati cakap ataupun buat spekulasi. Berikan ruang untuk kami siasat, baru boleh tunjukan kepada masyarakat," katanya.

## Tubuh jawatankuasa perhalusi sistem sekolah tahfiz

**Kuala Negeri:** Kementerian Pendidikan mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memperhalusi sistem pendidikan sekolah tahfiz di negara ini yang di selakan Kementerian.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, tahfiz di negara ini terbahagi kepada dua kategori iaitu berdaftar dengan majlis agama Islam negeri dan tidak berdaftar dengan mana-mana institusi.

Menurutnya, hal memba-

likan pengurusan sekolah tahfiz perlu ada satu kurikulum khusus iaitu pendidikan formal dan juga mendalami al-Quran.

"Misalnya, pelajar di sekolah menengah perlu menduduki Ujian Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi pada masa yang sama masih meneruskan pengajian tahfiz.

"Kedua, pendaftaran sekolah tahfiz ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan belum diletakkan di bawah Kementerian Pendi-

dikan kerana perkara berkaitan agama Islam, termasuk pusat tahfiz berada di bawah kuasa Sultan dan Yang Dipertua Negeri masing-masing.

"Oleh itu, pertama sekali kita perlu dapatkan persetujuan kerajaan negeri, Sultan dan Yang Dipertua Negeri terlebih dulu selaku ketua agama Islam di negeri masing-masing baru jawatankuasa itu boleh ditubuhkan," katanya selepas merasmikan Penutupan Taklimat Pengurusan Jaringan Rakyat (JR) Wanita UMNO

Padang Terap Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) di Dewan Badli-shah, Kolej MARA Kuala Negeri, di sini, semalam.

Mahdzir berkata, jawatankuasa itu bertanggungjawab menyertakan pendaftaran pelajar, mengatorkan pemantauan dan keselamatan di pusat tahfiz di negeri yang diselakan Kementerian Pendidikan.

"Rekod sejak 2011 hingga 2017 menunjukkan puluhan kes berlaku membabitkan sekolah tahfiz dan jawatankuasa ini dicadangkan tanpa

mencampuri urusan kerajaan negeri, tetapi menyertakan pendaftaran dan pemantauan sekolah tahfiz.

"Kejadian pusat tahfiz terbakar semalam (kelmarin) satu tragedi amat malang dan saya merakamkan ucapan takziah kepada ibu bapa serta keluarga mangsa yang terbahit dalam peristiwa ini. Mudah-mudahan

mereka bersabar dengan ketentuan Allah," katanya.

Mengulas kecaman bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zaidin Maidin di laman sosial Twitter menyalahkan beliau, Mahdzir berkata, apabila berlaku kejadian seperti ini tidak perlu segera menuding jari kepada sesiapa, tetapi lihat kepada kejadian ini terutama kebajikan mangsa dan keluarga," katanya.

**FAKTA**  
Rekod sejak 2011 hingga 2017 menunjukkan puluhan kes berlaku membabitkan sekolah tahfiz